



**TEKS UCAPAN**  
**YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI**  
**KETUA MENTERI MELAKA**  
**SEMPENA**  
**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN AWAM NEGERI**  
**TAHUN 2021**  
**TARIKH: 11 FEBRUARI 2021 , MASA: 12 TENGAH HARI**  
**DI PEJABAT KETUA MENTERI MELAKA**

---

**Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera, dan Salam**

**“MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA,  
MENGGAJIBKAN DUNIA.”**

**“SALAM PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI  
COVID-19”**

**Tuan-tuan dan Puan-puan, Warga Penjawat Awam  
Negeri Melaka yang saya hormati sekalian,**

## **MUKADIMAH**

1. Terlebih dahulu, saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala, kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat bersama menjayakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Awam Negeri Melaka bagi Tahun 2021 dalam suasana norma baharu.
2. Saya percaya, majlis kali ini akan tercatat dalam sejarah kerana buat pertama kalinya diadakan secara maya. Apapun, kita perlu akur dengan

perubahan corak kehidupan pada hari ini, memandangkan kita masih lagi belum menang melawan penularan wabak COVID-19. Mutakhir ini, trend peningkatan kes positif COVID-19 di Melaka juga menunjukkan angka yang tinggi.

3. Justeru, inilah kaedah yang terbaik kerana kita perlu kreatif memanfaatkan platform digital dan teknologi semasa sebagai kelainan baharu di samping mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) untuk mengadakan majlis seperti ini.

Hadirin Hadirat yang saya hormati;

## **PENGIKTIRAFAN BERDASARKAN KECEMERLANGAN PRESTASI**

4. Sebagaimana yang kita sedia maklum, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) ini berdasarkan Penilaian Prestasi Tahunan Pegawai dan kakitangan bertujuan memberi pengiktirafan kepada warga Perkhidmatan Awam Negeri Melaka yang telah memberikan perkhidmatan cemerlang dan berkualiti.

5. Penganugerahan ini juga merupakan satu manifestasi keprihatinan kerajaan negeri terhadap modal insan berkualiti, dinamik dan berprestasi tinggi dalam mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan.
  
6. Di kesempatan ini, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada **55** orang warga Jabatan Ketua Menteri Melaka yang bakal menerima **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)** dan **28** orang pegawai yang akan menerima **Anugerah Khas Perkhidmatan (AKP)**.

7. Saya percaya, dengan penganugerahan atas usaha tuan-tuan dan puan-puan, ia akan dapat menyuntik semangat kepada semua **710** warga kakitangan Jabatan Ketua Menteri Melaka (JKMM) selain **5,119 penjawat awam Negeri Melaka** untuk terus berkhidmat dengan lebih berdedikasi dan penuh iltizam. Saya juga berharap agar anugerah ini menjadi pemangkin kecemerlangan dan motivasi kepada semua kakitangan untuk mencapai visi dan misi Negeri Melaka.

Hadirin dan hadirat, Penjawat Awam yang saya kasihi sekalian,

### **PRESTASI KERAJAAN NEGERI**

8. Sejak beberapa tahun yang lepas, Negeri Melaka terus melakar kecemerlangan dalam pelbagai bidang. Lebih-lebih lagi apabila, kesemua 4 PBT telah berjaya diumumkan sebagai antara Bandar Paling Mampan di Malaysia serta mendapat penarafan 5 bintang daripada KPKT.



9. Kecemerlangan yang dicapai ini adalah hasil sumbangan penjawat awam yang telah berusaha membentuk satu perkhidmatan yang efisien dan kukuh dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat di Negeri Melaka. Saya mahukan kita semua bekerja dengan lebih keras dan tekun agar Melaka dapat mencapai lebih banyak penganugerahan sebegini.
  
10. Pada sudut lain, berdasarkan kepada Indeks Persepsi Rasuah (CPI) Tahun 2020 yang dikeluarkan oleh *Transparency International*, Malaysia secara

keseluruhannya mencatatkan skor sebanyak 51% dan berada pada kedudukan 57 daripada keseluruhan 180 buah negara. Kerajaan Negeri Melaka bersama Kerajaan Persekutuan akan terus komited dalam melaksanakan Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP).

11. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Melaka adalah melalui pelantikan Pegawai Integriti di setiap jabatan atau agensi awam termasuk syarikat dan anak syarikat milik kerajaan negeri. Ia bertujuan bagi meningkatkan tahap

kepatuhan integriti serta memperkasa tadbir urus di setiap jabatan atau agensi yang terlibat.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

**PERKEMASKAN            PROSEDUR            DAN            SISTEM**  
**PERKHIDMATAN DALAM NORMA BAHARU**

12. Bagi memastikan perkhidmatan awam terus kekal relevan dan signifikan, semua warga kerja perlu berusaha untuk menambah baik prosedur kerja sedia ada. Pandemik COVID-19 bukanlah alasan

untuk kita tidak melunaskan tanggungjawab yang diamanahkan. Saya akui, COVID-19 telah merubah landskap perkhidmatan awam apabila banyak proses kerja biasa perlu diubah kepada perkhidmatan secara digital.

13. Berikutan itu, kerajaan negeri telah pun membangunkan pelbagai urusan secara dalam talian, seperti sistem e-bayar bagi memudahkan transaksi pembayaran tersebut dilaksanakan. Sistem penyampaian perkhidmatan awam di Negeri Melaka mesti terus beroperasi pada tahap optimum

termasuk dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ketika ini.

## **KEPANTASAN DAN PROFESIONALISME PENJAWAT AWAM**

14. Pada Majlis Amanat Penjawat Awam tempoh hari, saya telah menekankan bahawa **PERTAMANYA: tahun ini merupakan TAHUN PELAKSANAAN di mana saya mahukan semua kakitangan penjawat awam bergerak pantas membuat penambahbaikan dengan kreatif lagi inovatif**, terhadap apa yang

telah kita rancang serta rencanakan selama ini. Kita mesti pastikan semuanya dilaksana, **GET IT DONE,... BAGI JADI,... KASI JADI!**

15. **KEDUANYA:** Perlulah diingatkan, **kepantasan dalam proses kerja harus disokong dengan peraturan yang telah ditetapkan. KETIGA:** Saya mahukan semua kakitangan bertindak profesional dalam membuat keputusan kerana ia sangat penting dalam merealisasikan **visi dan misi kerajaan negeri.** Akhirnya sekali, jadikanlah tonggak **5K** iaitu **KOMUNIKASI, KOLABORASI, KOORDINASI,**

**KOMPETENSI DAN KONGSI MATLAMAT BERSAMA**  
untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Hadirin hadirat, penjawat awam yang saya hormati  
sekalian,

**PENUTUP**

16. Adalah menjadi harapan saya agar seluruh warga JKMM akan terus melakar kejayaan demi kejayaan dan menunjukkan budaya kerja yang berprestasi tinggi, berintegriti dan bersemangat dalam

melaksanakan tugas seharian. Dengan iltizam serta semangat kerja yang positif di antara kita, saya yakin dan percaya bahawa kita mampu menjayakan hala tuju **Melaka Rumahku**.

17. Sekali lagi saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah buat semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kali ini. Izinkan saya untuk memetik kata-kata **Steve Jobs** yang saya anggap bahawa ianya patut dijadikan sebagai inspirasi kepada semua penjawat awam Negeri Melaka agar terus komited dalam menyampaikan



perkhidmatan kepada rakyat walaupun berhadapan cabaran norma baharu yang sedang dilalui.

***“The only way to do great work, is to love what you do... then success will come after you”***

Sekian, wabillahhi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.